

Permudah prosedur perdagangan tingkat nilai eksport, import negara

Oleh Dr Hanny Zurina Hamzah
bhrencana@bhcom.my

China mula memperkenalkan Inisiatif Jalur dan Laluan (BRI) pada 2013 dan beberapa negara termasuk Malaysia menandatangani perjanjian bersama negara tembok besar itu untuk memperkasakan inisiatif itu.

Soalimbangan dalam memperoleh faedah dagangan di antara China dan negara kecil seperti Malaysia adalah antara isu hangat dibincangkan khususnya bagaimana BRI boleh dijayakan dan dinikmati.

Namun isu paling utama di sini adalah berkaitan memudah cara perdagangan (*trade facilitation*) yang mana untuk kebanyakan negara membangun, sistem

perdagangan dua hala masih perlu ditambah baik.

Menurut Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD), memudah cara perdagangan adalah satu set ukuran khas dalam memudahkan prosedur teknikal dan peraturan perdagangan untuk transit barangan sesebuah negara dengan tujuan eksport dan import.

Memudah cara perdagangan dapat membantu merendahkan kos serta mempermudah syarikat kecil dan sederhana mengambil bahagian dalam eksport dan import.

Dalam ekonomi digital, memudah cara perdagangan menjadi faktor paling penting kerana kemudahan melakukan perniagaan tanpa sempadan dengan menggunakan teknologi internet dan telefon pintar.

Antara petunjuk terdapat dalam memudah cara perdagangan oleh OECD adalah ketepatan penyampaian maklumat, pembabitan dalam komuniti perdagangan, kerjasama agensi dalam dan luar

negara, pentadbiran dan keadilan serta beberapa standard lain. Pengendalian sempadan juga faktor utama dalam mempermudah perdagangan bagi menjayakan BRI.

Jika dilihat kepada indeks purata pemudah cara perdagangan China, pada 2019 ia meningkat kepada 1.561 dari 1.356 pada 2017. Malaysia mencatatkan indeks purata sebanyak 1.418 pada 2019, meningkat dari 1.272 pada 2017.

Malaysia tambah baik sistem perdagangan

Salah satu petunjuk terdapat dalam memudah cara perdagangan iaitu prosedur, Malaysia menunjukkan kesungguhan menambah baik sistem perdagangan dua hala dengan melihat kenaikan indeks dari 1.33 pada 2017 kepada 1.61 pada 2019.

Singapura pula mempunyai indeks tertinggi di antara negara ASEAN iaitu 1.85 dan Thailand mempunyai indeks lebih tinggi daripada Malaysia

“ Perjanjian di antara China dan negara di ASEAN dalam BRI memberi kelebihan kepada Malaysia dalam mengharmonikan prosedur dan dokumen berkaitan aktiviti perdagangan ”

(1.74) pada 2019. Justeru, Malaysia masih perlu merangka pelan strategik untuk meningkatkan kecekapan pengurusan dalam sistem perdagangan negara.

Malaysia mengambil keputusan menilai semula projek di bawah BRI pada 2018 selepas peralihan tampuk kerajaan kepada Pakatan Harapan (PH) tetapi terdapat projek tertentu diteruskan pada 2019.

Antara projek sedang dijalankan adalah Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) iaitu projek infrastruktur kereta api menghubungkan Wilayah Ekonomi Pantai Timur sehingga Semenanjung Barat Malaysia dan Wilayah Tengah.

China membuat pelaburan sebanyak RM1.58 bilion dalam projek Taman Industri Kuantan-Malaysia (MCKIP) yang mana Pelabuhan Kuantan akan menjadi antara pelabuhan penting untuk China melihat kepada kedudukan pelabuhan di Laut China Selatan.

Pelabuhan Kuantan akan menjadi pelabuhan utama selain Pelabuhan Klang dan Pulau Pinang bagi mengurangkan kesesakan dan masa penghantaran barangan import dan eksport dalam dan luar negara.

Kesimpulannya, perjanjian di antara China dan negara di ASEAN dalam BRI memberi kelebihan kepada Malaysia dalam mengharmonikan prosedur dan dokumen berkaitan aktiviti perdagangan sama ada dalam pengangkutan darat atau laut.

BRI bukan sahaja mampu melonjakkan jumlah nilai dagangan di antara Malaysia dan China tetapi membantu negara mengurangkan kos perdagangan antara negara dan memberi peluang syarikat kecil dan sederhana membuat tambah nilai perniagaan mereka melalui inisiatif ini.

Namun, Malaysia perlu memastikan kemajuan infrastruktur di bawah projek BRI dalam negara tidak dicemari dengan isu rasuah dan konflik di antara manusia dengan alam sekitar.



Pensyarah Kanan di Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Putra Malaysia (UPM)